

**TEKS UCAPAN  
NAIB CANSOLOR UniMAP  
BRIGEDIER JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**PADA  
MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU)  
ANTARA**

**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP), SUKIMI OIL (M) SDN.  
BHD. & MIRU ENTERPRISE SDN. BHD.**

**Pada 22 Oktober 2011 di Ibu Pejabat Kumpulan Sukimi,  
Jalan Telipot, Kota Bharu**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Tuanku Canselor UniMAP serta Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah, merangkap Tuanku Pro-Canselor UniMAP.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin menyembah takzim, merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat bagi menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Sukimi Oil (M) Sdn. Bhd. serta MIRU Enterprise Sdn. Bhd.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua ke majlis ini amat besar ertinya buat patik sekalian, sekaligus menyemarakkan lagi semangat patik sekalian untuk meningkatkan nama UniMAP gah di persada antarabangsa.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun,

Patik mohon perkenan untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin. Ampun Tuanku.

Yang Berbahagia, Dato' Sri Hj. Ahmad Sukimi Ibrahim, Presiden Sukimi (M) Sdn. Bhd

Yang Berhormat, Dato' Paduka Abu Bakar Taib, Pengerusi MIRU Enterprise Sdn. Bhd. merangkap Pengerusi ASAL

Yang Dihormati, Dato' Jalaluddin Abdul Rahman, Ketua Polis Kelantan

Yang Dihormati, Mazlan Nazim, Timbalan Ketua Polis Kelantan

Yang Berbahagia, Dato' Haji Abdul Halim Haji Ahmad, Ketua Istiadat Kelantan

Yang Berbahagia, Dato' Haji Ahmad Mahmood, Pengelola Istiadat Diraja Kelantan

Yang Berusaha, Ir. Tuan Haji Syed Abd Rahman Syed Abdullah,  
Pengarah JKR Kelantan

Yang Berusaha, Tuan Haji Fauzi Haron, Pengarah KPDNKK  
Kelantan

Yang Berusaha, Tuan Haji Fauzi Mat, YDP Majlis Perbandaran Kota  
Bharu

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Kumpulan SUKIMI

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan, Ketua-Ketua  
Jabatan,

Wakil-wakil media seterusnya hadirin yang dirahmati Allah S.W.T  
sekalian.

Terlebih dahulu, marilah kita menadah tangan memanjat  
kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana hanya dengan  
keizinanNya sahajalah yang membenarkan kita untuk bersama-  
sama pada hari yang berbahagia ini dalam Majlis Menandatangani  
Perjanjian Persefahaman (MoU) antara UniMAP dan Sukimi Oil  
Sdn. Bhd. serta MIRU Enterprise Sdn. Bhd.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Hormat  
Dato' Sri Hj. Ahmad Sukimi Ibrahim, Presiden Sukimi (M) Sdn.  
Bhd. dan pengurusan beliau kerana sudi melapangkan masa dan

menerima kedatangan kami di sini seterusnya menjalinkan hubungan kerjasama dengan kami di UniMAP.

Untuk makluman para hadirin, di sini saya kongsi sedikit sejarah UniMAP iaitu sebuah IPTA ke – 17 di Malaysia. UniMAP telah mula beroperasi pada tahun 2002 dengan menggunakan nama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Mulai 1 Februari 2007, KUKUM telah ditukar namanya kepada Universiti Malaysia Perlis melalui proses penjenamaan semula universiti. UniMAP mempunyai lebih 700 staf akademik dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada pensyarah, tutor dan Pegawai Latihan Vokasional. Jumlah pensyarah adalah 521 orang dengan 42 daripadanya berjawatan Profesor, 113 orang memiliki Ijazah Doktor Falsafah manakala 408 orang memiliki ijazah sarjana dan insyaAllah mereka ini bakal mengikuti pengajian peringkat Doktor Falsafah tidak lama lagi.

Hadirin sekalian,

UniMAP juga amat aktif dalam bidang penyelidikan. Sejak ditubuhkan, penyelidik UniMAP telah menerima ratusan pingat dari pelbagai pertandingan dan ekspo yang disertai di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Contohnya, berita terbaru yang diterima pada pagi ini daripada deligasi UniMAP yang menyertai British Invention Show (BIS) yang

sedang berlangsung di London. UniMAP telah berjaya mendahului semua Universiti di Malaysia selepas tiga produk kita berjaya meraih Special Award dengan kutipan 1 Diamond, 1 Platinum dan 1 Gold. Anugerah Diamond merupakan pengiktirafan tertinggi dalam pertandingan ini.

Pada pertandingan PECIPTA bulan lepas, UniMAP adalah IPTA yang meraih pungutan pingat tertinggi dengan 9 pingat emas, 5 perak dan 16 gangsa. Juara keseluruhan, UTM, meraih pungutan emas sama seperti UniMAP tetapi mempunyai kelebihan 2 pingat perak iaitu sebanyak 7 pingat. Pencapaian UniMAP sangat membanggakan memandangkan ini merupakan kali ketiga ia menyertai PECIPTA yang mana pada dua tahun lalu, UniMAP hanya menduduki tempat kelima dengan 2 Emas, 10 Perak dan 3 Gangsa dan pada *International Invention, Innovation Industrial Design & Technology Exhibition* pula, UniMAP meraih tempat pertama keseluruhan dengan 11 pingat emas, 24 perak dan 11 gangsa. Justeru, UniMAP dinobatkan sebagai penerima 'Anugerah Patron' kerana pungutan pingat tertinggi. Kita turut meraih anugerah *Best Green Invention 2011*. Untuk makluman, ITEX merupakan pameran terkemuka dunia, dengan penglibatan 14 negara termasuk dari Russia, Poland, Canada, Saudi Arabia, Iran, Korea, China, Hong Kong, dan Taiwan.

Selain itu, UniMAP juga mencatatkan kejayaan 100% dalam *Seoul International Invention Exhibition* di Korea dengan 3 pingat emas

dan 1 perak. Pada penyertaan di *British Invention Show* di London pula, kita menghantar tiga produk dan kesemuanya mendapat emas.

Kejayaan UniMAP adalah kerana memiliki penyelidik serta kemudahan penyelidikan yang terbaik. Contohnya, Institut Kecemerlangan Nano Elektronik (INEE) UniMAP baru-baru ini diiktiraf sebagai antara 5 Pusat Kecemerlangan Nano Malaysia oleh Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi dari 17 pusat penyelidikan yang disenarai-pendek. Tidak ketinggalan UniMAP juga diberi penarafan 4-bintang bagi kategori 'Universiti Berfokus' menerusi instrumen penilaian *My Research Assessment (MyRA)* yang dikeluarkan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Penarafan bagi tempoh 2008-2010 itu meletakkan kita pada kedudukan ke-6 antara kesemua institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negara ini. Ini suatu peningkatan yang baik berbanding tempoh 2007 – 2009, di mana kita mendapat taraf 3-bintang sahaja. Justeru, UniMAP hampir setanding dengan kesemua universiti penyelidikan, dan menyamai sebuah universiti penyelidikan yang jauh lebih berumur. Ini menunjukkan bahawa walau di usia setahun jagung, UniMAP sangat komited dalam menjadikan universiti ini antara yang terbaik. Harapan saya UniMAP diberi status 'universiti penyelidikan' suatu hari nanti. Amin.

Hadirin sekalian,

Apabila kita mencadangkan untuk bekerjasama dalam bidang polimer, kita sebenar ingin berkongsi kepakaran yang terdapat di UniMAP. Disamping itu, UniMAP juga ingin mendapatkan kepakaran dari pihak Sukimi Oil. UniMAP sebenarnya mempunyai program pengajian dalam bidang polimer di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan. Tenaga pengajar UniMAP bagi program pengajian polimer masing-masing mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut sehingga mampu membantu menghasilkan graduan UniMAP yang berkebolehpasaran kerja yang tinggi. Manakala para pelajar yang mengikuti program ini bertanggungjawab merekacipta, menghasilkan, memeriksa dan menguji bahan seperti aloi logam kejuruteraan, semikonduktor, superkonduktor, seramik, polimer, plastik dan komposit. Ini adalah sebagai persediaan sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan. Itulah yang menjadikan graduan UniMAP 'sedia bekerja' tanpa memerlukan latihan intensif industri.

Oleh itu, pada hari ini UniMAP sangat bertuah kerana dapat bekerjasama dengan sebuah kumpulan syarikat yang baru berusia lebih sedekad tetapi telah berjaya membuktikan bahawa kewujudannya sebagai syarikat milik penuh bumiputera dalam industri petroleum adalah antara yang keterhadapan selaras dengan hasrat kerajaan yang inginkan bumiputera turut sama maju dalam industri ini. Hasil kesepakatan itu, UniMAP dan

Sukimi (M) Sdn. Bhd. akan bersama-sama meneroka dan bekerjasama dalam bidang yang berkaitan polimer antaranya adalah,

1. Modifikasi bahan polimer sebagai pemekat (thickener), agen perekat (adhesion agent) dan pengubahsuaian reologi (rheology modifier) dalam minyak pelincir bagi meningkatkan keupayaan minyak tersebut.
2. Kajian terhadap pelbagai bahan tambah polimer (polymer additive) terhadap minyak pelincir bagi mengurangkan geseran antara logam dalam enjin.
3. Kajian terhadap potensi kitar semula minyak pelincir dengan kaedah modifikasi menggunakan bahan tambah polimer.
4. Potensi menggunakan sumber minyak yang lain dari minyak yang berasaskan petroleum seperti minyak sayuran, sawit atau lain-lain.

Hadirin sekalian,

Rasanya tidak perlulah saya bercakap panjang pada tengahari ini. Harapan saya agar kerjasama yang terjalin di antara UniMAP dan Sukimi Oil (M) Sdn Bhd akan mencapai matlamatnya sekaligus hasil gabungan kepakaran ini akan menyemarakkan lagi pembangunan ekonomi Negara.

**MoU ditandatangani, penuh bermatlamat,  
Meneroka bidang polimer, terus diperkasa,  
Bersama kita, mengembleng keringat,  
Meningkatkan ekonomi, negara bangsa.**

Ampun Tuanku, sekian sahaja ucapan patik. Patik ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Tuanku berdua di atas perkenan berangkat ke majlis ini. Kehadiran Duli Tuanku berdua begitu besar ertinya buat patik sekalian. Patik sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.